

06/06/1997

Parti, kerajaan mesti bersih: PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mahu kerajaan mempertahankan mana-mana pemimpin dan pegawainya yang terbabit dalam rasuah kerana tindakan itu boleh menjejaskan kewibawaan parti dan kerajaan.

Sebaliknya, Perdana Menteri mahu usaha membanteras kegiatan rasuah di semua peringkat diteruskan bagi membuktikan parti dan kerajaan bersih.

Dr Mahathir, yang kini berada di London, menegaskan demikian dalam sidang video bersama Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Ibu Pejabat Umno petang ini.

Menurutnya, mana-mana pihak yang didapati rasuah tidak perlu dipertahankan kerana perbuatan mereka memberi kesan buruk kepada parti dan kerajaan.

"Saya fikir kita semua kena terima hakikat bahawa kita bukan sahaja perlu bersih tapi mesti kelihatan bersih. Kalau tidak, kewibawaan kita hilang. Saya berterima kasih kerana dapat sokongan daripada semua pihak. Ini sebenarnya setelah saya berunding dengan TPM (Anwar).

"Kita setuju dengan pendekatan ini dan saya berharap Majlis Tertinggi (MT) memberi sokongan seperti juga Kabinet memberi sokongan kepada tindakan yang sedang dan akan diambil walaupun ia terkena kepada kawan-kawan kita.

"Kalau kita tidak ambil tindakan, kemungkinannya ialah ramai nanti yang berpendapat bahawa mereka akan dipertahankan. Walau apapun mereka buat, kita mempunyai kuasa, (kononnya) kita akan melindungi mereka. Ini tidak sihat bagi parti dan kerajaan," kata Dr Mahathir.

Turut serta dalam sidang video itu ialah dua Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi; Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabaruddin Chik, Ketua Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman serta beberapa ahli MT.

Presiden Umno berterima kasih kepada MTU kerana menyokong tindakan kepimpinan membanteras rasuah dengan lebih tegas selepas Kabinet menyatakan pendirian yang sama.

"Jadi, saya harap MT hari ini bolehlah bincang perkara ini dan dapat memberi persetujuan. Ini amat penting sekali," katanya.

Perdana Menteri berada di London kerana bercuti selama dua bulan mulai 19 Mei lalu. Sidang video kira-kira 10 minit mulai jam 5.30 petang itu diatur dari Frazer Nash Research Limited (UK), dekat London, sempena lawatannya ke pusat penyelidikan itu.

Di pusat itu, Dr Mahathir mengambil kesempatan meninjau beberapa hasil penyelidikan termasuk kereta elektrik dan peralatan elektronik lain.

"Saya datang nak tengok penyelidikan yang dibuat. Mungkin ada yang boleh kita guna untuk Malaysia," katanya.

(END)